

# Malaysia terus usaha bantu Timor Leste

Oleh ISMAIL DAUD

**P**UTRAJAYA 12 Ogos – Malaysia memberi jaminan akan meneruskan komitmen untuk “membantu usaha-usaha pembangunan Timor Leste dengan menggalakkan pelaburan, meningkatkan kerjasama ekonomi dan menyediakan kemudahan latihan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kesediaan Malaysia itu adalah kerana negara ini memahami cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh negara yang baru merdeka itu.

Menurutnya, antara bidang kerjasama yang berpotensi termasuk penerokaan petroleum dan gas, pembangunan infrastruktur, perbankan dan insurans serta pertanian.

“Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, rakyat Timor Leste tentunya akan berdepan dengan pelbagai cabaran dan Malaysia memberi jaminan akan meneruskan kerjasama sedia ada,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena lawatan rasmi lima hari Perdana Menteri Timor Leste, Dr. Mari Bim Amude Alkatiri di Seri Perdana, malam ini.

Dr. Mahathir berkata, walaupun hubungan ekonomi antara Malaysia dan Timor Leste pada masa ini masih di tahap rendah tetapi beliau yakin ia mampu ditingkatkan menerusi kerjasama yang berterusan.

Katanya, ini dapat dicapai dengan menggalakkan sektor swasta Malaysia meninjau peluang di Timor Leste dan menentukan bidang-bidang yang boleh diterokai.

“Saya difahamkan, sudah terdaat kira-kira 90 usahawan Malaysia di Timor Leste dan terlibat dalam pelbagai bidang seperti juru perunding, perakaunan, hotel, restoran dan perdagangan am,” katanya.

Perdana Menteri berharap kerajaan Timor Leste dapat membantu usahawan-usahawan Malaysia itu supaya kedua-dua pihak mendapat manfaat.

“Kami telah memperkenalkan pelbagai program pembangunan menerusi Dasar Ekonomi Baru dan kini menerusi Dasar Pembangunan Kebangsaan.

“Kami mendasarkan perubahan daripada ekonomi pertanian berasaskan komoditi kepada ekonomi yang pelbagai, moden dan berdaya maju,” katanya.

Dr. Mahathir seterusnya menegaskan, antara perkara yang paling penting dan perlu diberikan penekanan dalam membangunkan negara ialah memastikan pengagihan kekayaan negara yang sama rata.

“Dengan dasar dan sokongan yang betul, saya percaya negara anda akan membangun dan makmur. Saya percaya anda mampu berdepan dengan cabaran baru ini demi pembangunan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut meminta Timor Leste memainkan peranan penting di rantau ini terutama mengekalkan keamanan, mengukuhkan hubungan dengan semua negara serantau dan meningkatkan kefahaman antara budaya.

“Sebagai sebuah negara Asia Tenggara, negara anda akan memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan pembangunan, keamanan dan kestabilan rantau ini,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir juga menyatakan hasrat untuk melawat Timor Leste pada akhir tahun ini dan mengalu-alukan hasrat Presiden negara itu, Xanana Gusmao untuk melawat Malaysia.